Aznizan bin Abdul Ghani

UNIT LADANG HUTAN

FOREST PLANTATION UNIT

Unit ini bertanggungjawab melaksana dan menyelaraskan pembangunan dan pengurusan ladang hutan. Unit ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan hal ehwal pembangunan ladang hutan dan hutan tani kepada Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri, masyarakat setempat dan pihak swasta.

The Unit is responsible to implement and co-ordinate forest plantation development and management. The Unit is also responsible to provide technical advice pertaining to the development of forest plantation and agro-forestry to the State Forestry Departments, local communities and private sectors.



Barisan belakang (kiri ke kanan)/ Back row (left to right)

Sanja a/p Boon Kong, Shamsuri bin Mohamad, Mohd Noor bin Hamid, Mohd Noor bin Mohamad, Mohd Nazri bin Abd Rahman, Suhaadi bin Omar, Asaruddin bin Md Adiff, Ridzuan bin Shar, Sabaruddin bin Mohd Baki, A. Ghani bin M. Noh, Mohamad bin Hashim, Zaini bin Mohamad, Nasir bin Abd Latif, Rodhi bin Abd Razak, Noryuzieana binti Mohd Yusof

Barisan hadapan (kiri ke kanan)/ Front row (left to right)

Azlan bin Abd Aziz, Rajihan bin Abd Rahim, Samsuddin bin Sueet, Ramlay @ Ramly bin Ali, Zulkefli bin Mokhtar, Kamaruzaman bin Ali Budin, Rusli bin Tahir, Noradli @ Mohd Adli bin Parsada, Azmi bin Mohd Zain, Suhaidi bin Sinin

Tiada dalam foto/ Not in the photograph

Cik Norhalizah binti Abd Halim, Siti Aishah binti Abd. Wahab, Mazuraa binti Marzuki, Nor Izianti binti Ishak, Muhammad Rizal Abdul Rahim, Anuar Zainuddin, Basri bin Abdul Wahid, Rosmawati binti Ismail, Abdul Jalil bin Ahmad Tabon, Datin Rosni binti Maidin, Zulkifli bin Mat Mahidin, Rosli bin Abu Yusuf, Mohd Foad bin Che Mee, Zulkifli bin Abd Halim, Nor Musuhaili binti Mahamed, Siti Norzila binti Khairi, Azmi bin Masro, Yusri bin Yusof, Mohd Salleh bin Nordin, Sukri bin Yahya

UNIT PENGURUSAN HUTAN

FOREST MANAGEMENT UNIT

Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti inventori dan perancangan serta penyelarasan pengurusan sumber hutan asli. Unit ini juga menyediakan perkhidmatan dan nasihat teknikal kepada Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri dalam segala bidang pengurusan hutan untuk memastikan sumber hutan diurus secara berkekalan.

The Unit undertakes forest resource inventory and planning as well as co-ordinates forest resource management of natural forest. The Unit also provides services and technical advice to the State Forestry Departments in all aspects of forest management so as to ensure the forest resources are sustainably managed.



Barisan belakang (kiri ke kanan)/ Back row (left to right)

Zulkiflee bin Ayob, Donald Gabriel Guakin, Gerald Trabucon, Rosnaidi bin Abidin, Zikril Hakim bin Johari, Abdul Kadir bin Uda Umor, Ramlan bin Abu Sien, Anuar bin Mohd Talib, Ahmad Shahril bin Samat, Mohd Syarie bin Mohd Yusoff, Mohd Fadli Azaha bin Omar, Eric Lim Chong Ping, Azmi bin Othman, Saifulemee bin Guna, Tokimun bin Sadin, Zakaria bin Othman

Barisan hadapan (kiri ke kanan)/ Front row (left to right)

Md Nurrahiem bin Md Ali, Shohaimi bin Sani, D.Zulkifli bin Tukiman, Mat Salim bin Samsuddin, Dr Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa, Shahrulnizam bin Kasmani, Norziatul Shima binti Mohd Sarit, Nur Shamsuhaya binti Mohd Rofaii, Rosaizan Haryani binti Rosli, Suhana binti Bidin @ Zainal Abidin

Tiada dalam foto/ Not in the photograph

Azmi bin Abd Rahman, Zamri bin Mohd Talib, Mohd Sofian bin Anuar, Mohd Zikri bin Che Wel, Abd Razak bin Ariffin, Azmi bin Othman, Mohd Azhar bin Ahmad

UNIT PERANCANGAN HUTAN

FOREST PLANNING UNIT

Unit ini bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan perancangan sumber hutan sejajar dengan DPN dan Strategi-Strategi Pembangunan Hutan. Unit ini juga menyelaras, menyelia, menilai dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan hutan.

The Unit is responsible for the implementation and co-ordination of forest resource planning in line with the NFP and the Strategies for Forest Development. The Unit also co-ordinates, supervises, evaluates and monitors the implementation of forest development projects.



Barisan belakang (kiri ke kanan)/ *Back row (left to right)*

Norhanizan binti Hassan, Kholizan binti Jamaludin, Zurina binti Jusoh, Shaharom Najim bin Ishak, Tengku Mazuki bin Tengku Majid, Tharmizie bin Sagiran, Asmadi bin Mohd

Barisan hadapan (kiri ke kanan) *Front row (left to right)*

Nur Najwa Dina Anak Abong, Ku Azmi bin Ku Aman, Chin Yue Mun, Lim Kee Leng, Aldrich Richard

Tiada dalam foto/ *Not in the photograph*

Suhaime bin Ibrahim, Hamzan bin Mat Husin, Mohd Puat bin Dahalan

UNIT EKONOMI HUTAN

FOREST ECONOMICS UNIT

Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menyelaraskan kajian-kajian ekonomi bagi tujuan meningkatkan operasi dan kecekapan penggunaan sumber dalam sektor perhutanan. Unit ini juga mengumpul dan menganalisa statistik perhutanan, memberi khidmat nasihat dan membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi hutan.

The Unit is responsible for implementing and co-ordinating economic studies aimed at increasing operational and efficient resource utilization in the forestry sector. The Unit also collects and analyses forestry statistics, provides advisory services and assistance on forest economic matters.



Barisan belakang (kiri ke kanan)/ Back row (left to right)

Mohd Hakimi bin Mohd Hanapi, Mior Kamarudzaman bin Urus, Mohd Suhaizi bin Kadir, Norman Lizam bin Sulaiman, Mohd Syauki bin Mohd Sidek, Wan Zulkifli bin Wan Alim, Mohd Thajirine bin Sukri, Amir Hafidz bin Mohd Taha, Mahad bin Talib, Mohd Azlan Shah bin Mohd Wali, Azman bin Reseh @ Yaacob, Mariyatun binti Jenal, Asmas binti Salleh

Barisan hadapan (kiri ke kanan)/ Front row (left to right)

Teddy Sius @ Lawrencius, Zulnaidah binti Manan, Saharudin bin Ahmad, Chin Yue Mun, Poh Lye Yong, Tuan Marina binti Tuan Ibrahim, Komathi a/p Subramaniam

Tiada dalam foto/ Not in the photograph

Mohd Yusrizal bin Hassim

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

INFORMATION TECHNOLOGY UNIT

Unit ini bertanggungjawab memberi bantuan teknikal mengenai pengurusan dan penggunaan komputer serta aplikasi yang berkaitan di samping mengawalselia pengumpulan, pengurusan, penganalisaan dan penyebaran maklumat-maklumat Sistem Maklumat Perhutanan Negara.

The Unit is responsible in giving technical assistance on the management and usage of computer as well as related applications in addition to the monitoring, collection, management analysis and dissemination of information under the National Forestry Information System.



Barisan belakang (kiri ke kanan)/ *Back row (left to right)*

Noorazilawati binti Mostapa, Norizah binti Mat Ghani, Nornazeta binti Omar, Salmiah binti Osman, Wan Ahmad Zaky bin Abd Halim, Supian bin Ismail, Wahab bin Mohd Zin, Che Razali bin Che Adam, Abd Wahid bin Md Saleh, Mohamad Nazri bin Arifin, Abdul Hafidz bin Malek Fauzie, Erni Marlina binti Mohamed Roslan, Zuraina binti Daud, Noor Haini binti Abdullah, Puteri Arlydia binti Abdul, Noriswani binti Za'aldin

Barisan hadapan (kiri ke kanan)/ *Front row (left to right)*

Ibrahim bin Kayat, Masuri bin Abd Manan, Khairuddin bin Mohamad Mor, Saleh bin Awaludin, Azuan bin Sukri

PETUNJUK PRESTASI UTAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Perkara	Pencapaian 2007
I. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	
A. SUMBER TENAGA MANUSIA (BILANGAN)	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	180
Kumpulan Sokongan	5,304
Jumlah	5,487
B. PERBELANJAAN (RM)	
Perbelanjaan Mengurus	141,322,670
Perbelanjaan Pembangunan	69,964,419
C. KUTIPAN HASIL (RM)	
Royalti	83,268,515
Ses	41,142,774
Premium	155,243,503
Lain-lain	34,786,303
Jumlah	314,441,095
II. BAHAGIAN OPERASI HUTAN	
A. AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER HUTAN	
i. Keluasan HSK (ha)	4,695,630
ii. Pewartaan HSK (ha)	38,770
iii. Diwarta Keluar Daripada HSK Dalam Tahun Semasa (ha)	3,918
iv. Pengurusan Sumber Hutan	
• Menyukat Dan Mencuci Sempadan (km)	
- Sempadan Baru	39
- Sempadan Lama	2,380
• Inventori Sebelum Tebangan (ha)	34,385
• Menanda Pokok (ha)	344,473
• Keluasan Tahunan HSK Dibuka Untuk Pengusahasilan Di Bawah CTT (ha)	29,621
B. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA	
• Kursus Dan Latihan (bilangan)	87
• Kursus Sijil Perhutanan (bilangan peserta)	
- Pengawas Hutan	56
- Renjer Hutan	17
• Kursus Pembalakan dan Pengusahasilan kepada Pihak Swasta (bilangan peserta)	126

PETUNJUK PRESTASI UTAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Perkara	Pencapaian 2007
C. PUBLISITI DAN PENGEMBANGAN MAKLUMAT PERHUTANAN	
<ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan Risalah (bil) • Pameran (bil) 	<p>15,000</p> <p>11</p>
III. BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN HUTAN	
A. PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN	
i. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Hutan (ha)	
<ul style="list-style-type: none"> • Inventori Selepas Tebangan • Rawatan CL 	<p>14,290</p> <p>11,809</p>
ii. Pembangunan Sumber Hutan (ha)	
<ul style="list-style-type: none"> • Pemulihan Hutan * • Tanaman Rotan • Tapak Semaian Sedia Ada (bil. tapak) 	<p>2,958</p> <p>205</p> <p>13</p>
iii. Perhutanan Masyarakat	
<ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan Hutan Lipur Sedia Ada (bil) • Hutan Perkampungan (ha) • Hutan Bandar (bil. pokok) • Tanaman Di Lebuh raya (km) • Tanaman Pokok Ubatan (ha) 	<p>21</p> <p>50</p> <p>38,510</p> <p>5</p> <p>36</p>
B. PEMELIHARAAN DAN PEMULIHAN ALAM SEKITAR	
<ul style="list-style-type: none"> • Tanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai (ha) 	<p>178</p>

* Tanaman Mengaya, Ladang Hutan dan Tanaman Kawasan Lapang

KEY PERFORMANCE INDICATORS OF THE FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Items	Achievement 2007
I. ADMINISTRATION AND FINANCE	
A. MANPOWER RESOURCES (NO.)	
Higher Managerial Group	3
Managerial And Professional Group	180
Supporting Group	5,304
Total	5,487
B. EXPENDITURE (RM)	
Operating Expenditure	141,322,670
Development Expenditure	69,964,419
C. REVENUE (RM)	
Royalty	83,268,515
Cess	41,142,774
Premium	155,243,503
Others	34,786,303
Total	314,441,095
II. FOREST OPERATIONS DIVISION	
A. FOREST RESOURCE MANAGEMENT ACTIVITIES	
i. PRF (ha)	4,695,630
ii. Gazettement Of PRF (ha)	38,770
iii. Excised From PRF During The Year (ha)	3,918
iv. Management Of Forest Resources	
• Survey / maintenance Of Boundary (km)	
- New Boundary	39
- Old Boundary	2,380
• Pre Felling Inventory (ha)	34,385
• Tree Marking (ha)	344,473
• Total Area Of PRF Opened For Harvesting Under AAC (ha)	29,621
B. MANPOWER DEVELOPMENT	
• Courses And Training (no. of Courses)	87
• Certificate Course In Forestry (no. of participants)	
- Forester	56
- Ranger	17
• Logging And Harvesting Course To Private Sector (no. of participants)	126

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG *CONSTITUTIONAL PROVISIONS, POLICY AND LEGISLATIONS*

I. PERUNTUKAN PERLEMBANGAAN

Di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, perhutanan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa menggubal undang-undang di sektor perhutanan dan dasar perhutanan tersendiri. Pihak berkuasa Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyelarasan dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara. Majlis Tanah Negara (MTN) diberi kuasa di bawah perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memajukan dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi membincangkan masalah dan isu berhubung dengan dasar perhutanan, pentadbiran dan pengurusan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tanggungjawab untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tugas Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

II. DASAR DAN PERUNDANGAN

Pada tahun 1977, Dasar Perhutanan Negara telah diluluskan oleh MPN dan kemudian disahkan oleh MTN pada 19 April, 1978. Dasar tersebut telah dikaji semula pada 10 November, 1992

I. CONSTITUTIONAL PROVISIONS

Under Article 74(2) of the Malaysian Constitution, forestry comes under the jurisdiction of the respective State Governments. As such, each state is empowered to enact laws on forestry and to formulate forest policy independently. The executive authority of the Federal Government only extends to the provision of advice and technical assistance to the states, the maintenance of experimental and demonstration stations, training and research.

In order to facilitate the adoption of a coordinated and common approach to forestry, the National Forestry Council (NFC) was established on 20th December, 1971 by the National Land Council. The National Land Council (NLC) is empowered under the Malaysian Constitution to formulate a national policy for the promotion and control of the utilization of land for mining, agriculture and forestry. The NFC serves as a forum for the Federal and the State Governments to discuss and resolve common problems and issues relating to forestry policy, administration and management. All the decisions of the NFC have to be endorsed by the NLC. The responsibility for implementing the decisions of the NFC lies with the State Governments unless it is within the authority of the Federal Government.

II. POLICY AND LEGISLATIONS

In 1977, the National Forestry Policy was approved by the NFC and later endorsed by the NLC on 19th April, 1978. This Policy was revised on 10 November, 1992 to take cognizance of the

atas kesedaran yang ditunjukkan oleh masyarakat dunia terhadap kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber genetik secara berkekalan serta peranan masyarakat dalam pembangunan perhutanan. Penerimaan dasar tersebut merupakan suatu kejayaan memperkukuhkan asas perlembagaan dan mengeratkan kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor perhutanan.

Selain dari Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan Akta Industri Berasas Kayu 1984 terdapat juga undang-undang lain yang penting dan ada kaitan dengan sektor perhutanan seperti:

- Kanun Tanah Negara 1965;
- Kanun Keseksaan (FMS Cap.45), 1948 (Pindaan 1993);
- Kanun Acara Jenayah (FMS Cap.6), 1903 (Pindaan 1995);
- Akta Keterangan 1950 (Pindaan 1993);
- Akta Prosedur Kewangan 1967 (Pindaan 1993);
- Enakmen Bekalan Air 1935;
- Akta Perlindungan Tanah 1960;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Pindaan 1976 & 1988);
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 1973;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1995);
- Akta Taman Negara 1980 (Pindaan 1983);
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia 1985;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Akta Kerajaan Tempatan 1976.

concern expressed by the world community on the importance of biological diversity conservation and the sustainable utilization of genetic resources, as well as the role of local communities in forest development. The acceptance of the Policy is a major breakthrough in strengthening the institutional base and enhances the co-operation and understanding between the Federal and State Governments in the field of forestry sector development.

Other legislation which are considered of major importance to the forestry sector apart from the National Forestry Act, 1984 (Amendment 1993) and the Wood-based Industries Act, 1984 are as follows:

- *National Land Code 1965;*
- *Penal Code (FMS Cap.45),1948 (Amendment 1993);*
- *Criminal Procedure Code (FMS Cap.6)1903 (Amendment 1995);*
- *Evidence Act 1950 (Amendment1993);*
- *Financial Procedure Act 1967 (Amendment 1993);*
- *Water Enactment 1935;*
- *Land Conservation Act 1960;*
- *Protection Of Wildlife Act 1972 (Amendment 1976 &1988);*
- *Malaysian Timber Industry Board Act 1973;*
- *Environmental Quality Act 1974 (Amendment 1995);*
- *National Park Act 1980 (Amendment 1983);*
- *Malaysian Forestry Research and Development Board Act 1985;*
- *Mining Enactment 1926;*
- *Local Government Act 1976.*

KEMAJUAN DALAM TAHUN 2007

YEAR UNDER REVIEW 2007


I. SUMBER HUTAN

Pada akhir tahun 2007, kawasan berhutan merangkumi 5.84 juta hektar atau 44.4% dari keseluruhan 13.16 juta hektar muka bumi Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, seluas 4.70 juta hektar atau 80.5% telah dijadikan sebagai HSK yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984. HSK ini diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk tujuan memaksimumkan kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

I. FOREST RESOURCES

At the end of 2007, forested land accounts for 5.84 million ha or 44.4% of Peninsular Malaysia's total land area of 13.16 million ha. Of this total, 4.70 million ha or 80.5% are designated as PRFs, gazetted under the National Forestry Act, 1984. These PRFs are managed under sustainable forest management principles for maximum economic, social and environmental benefits.

Kawasan Berhutan Dan Tidak Berhutan Di Semenanjung Malaysia, 2007
Forested And Non-forested Land In Peninsular Malaysia, 2007



II. PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sumber hutan asli di Semenanjung Malaysia terdiri daripada tiga jenis hutan utama iaitu Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut. Pengurusan hutan secara sistematik telah bermula sejak lebih dari 106 tahun dahulu.

Kriteria dan Petunjuk Malaysia merupakan satu piawaian untuk pensijilan pengurusan hutan yang berasaskan Kriteria dan Petunjuk ITTO [MC&I (2001)] dan kemudiannya Prinsip dan Kriteria Forest Stewardship Council [MC&I (2002)] akan terus menjadi asas kepada pengurusan hutan secara berkekalan. Pada akhir tahun 2007, terdapat lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan HSK seluas 4.67 juta hektar telah dinilai dan dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan di bawah MC&I (2001). Di samping itu, dua buah negeri iaitu Negeri Sembilan dan Pahang telah mendapat Sijil Pengurusan Hutan di bawah MC&I (2002).

III. PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Usaha-usaha terus diperhebatkan untuk memastikan sumber hutan terus terpelihara dan fungsinya dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan hutan dapat dikekalkan.

Sehubungan dengan ini, peruntukan kewangan daripada belanjawan Persekutuan dan Negeri telah dilulus dan dibelanjakan bagi membiayai pelaksanaan program-program pembangunan hutan.

II. FOREST RESOURCE MANAGEMENT

The natural forests of Peninsular Malaysia are classified into three forest types, namely the Dry Inland Forest, Peat Swamp Forest and Mangrove Forest. Systematic forest management began more than 106 years ago.

The Malaysian Criteria and Indicators which are standards for forest management certification and based on the ITTO Criteria and Indicators [MC&I (2001)] and the Forest Stewardship Council's Principles and Criteria [MC&I (2002)] will continue to be the basis for sustainable forest management. At the end of 2007, eight states in Peninsular Malaysia covering an area of 4.67 million hectares have been assessed and awarded Forest Management Certificate under MC&I (2001). In addition, two states namely Negeri Sembilan and Pahang were also awarded Forest Management Certificate under MC&I (2002).

III. FOREST RESOURCE DEVELOPMENT

Concerted efforts continued to be intensified to ensure that the forest resources are conserved and their functions in the production of forest goods and services are sustained.

In this regard, allocations from Federal and State have been approved and spent to finance the implementation of forest development programmes.

Peruntukan kewangan ini adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan Tahunan Persekutuan dan Negeri, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri (KWPH), Peruntukan Wang Levi Eksport Kayu Kayan dan dari sumber-sumber lain. Dalam tahun 2007, sejumlah RM75 juta atau 93.3% daripada peruntukan tahunan telah dibelanjakan. JPSM telah melaksanakan sejumlah 11 buah program pembangunan yang mengandungi 108 projek di peringkat persekutuan dan negeri sepertimana yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) seperti berikut :

- i. Pengurusan Sumber Hutan
- ii. Penilaian Sumber Hutan
- iii. Pembangunan Sumber Hutan
- iv. Pembangunan Hutan Ladang
- v. Sumber Bukan Kayu
- vi. Perhutanan-tani
- vii. Pemeliharaan dan Perlindungan
- viii. Ekopelancongan dan Hutan Rekreasi
- ix. IT dan K-Perhutanan
- x. Pembangunan Sumber Manusia
- xi. Infrastruktur dan Kemudahan

These financial allocations comprised of Federal and States' Annual Development Budget, State Forest Development Fund (cess), Timber Export Levy Fund and other sources. For the year 2007, a total of RM75 million representing 93.3% of the annual allocation was spent. A total of 11 development programmes comprising 108 projects at the federal and state levels were implemented by the FDPM as planned under the Ninth Malaysia Plan (2006-2010) as follows:

- i. Forest Resource Management*
- ii. Forest Resource Valuation*
- iii. Forest Resource Development*
- iv. Forest Plantation Development*
- v. Non-Wood Resources*
- vi. Agro-forestry*
- vii. Conservation and Protection*
- viii. Eco-tourism and Forest Recreation*
- ix. IT and K-Forestry*
- x. Human Resource Development*
- xi. Infrastructure and Facilities.*

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan, 2007
Forest Development Allocation and Expenditure, 2007
 (RM juta / million)

PERSEKUTUAN / NEGERI <i>Federal/State</i>	PERUNTUKAN <i>Allocation</i>	PERBELANJAAN <i>Expenditure</i>	PERATUS <i>Percent (%)</i>
PERSEKUTUAN / <i>Federal</i>	19.17	18.32	95.6
NEGERI / <i>State</i>	55.83	51.64	92.5
JUMLAH / <i>Total</i>	75.00	69.96	93.3

IV. PEMULIHARAAN HUTAN & PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan hutan dan kepentingannya kepada perlindungan alam sekitar tetap merupakan agenda utama JPSM dalam tahun 2007. Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan sepanjang tahun demi memantapkan fungsi dan peranan Jabatan dalam aspek ini.

IV. FOREST CONSERVATION & ENVIRONMENTAL PROTECTION

Forest conservation and its importance to environmental protection remains an important agenda of FDPM in 2007. Numerous activities and programmes were carried out to strengthen the roles and functions of the Department in this aspect.

Ekoran daripada peristiwa Tsunami pada tahun 2004, kesedaran tentang pentingnya Hutan Paya Bakau dalam memainkan peranan sebagai benteng untuk memecah, menahan dan mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak daripada laut. Selaras dengan itu, satu Pasukan Petugas Khas Jawatankuasa Operasi Menanam Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara telah ditubuhkan bertempat di Kampung Baru Pulau Sayak Kota Kuala Muda, Kedah pada 02 Februari 2007, Program Pelancaran Penanaman Pokok Bakau dan Lain-Lain Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara telah diadakan dan dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia.

Persidangan Gaharu Kebangsaan 2007 pula telah diadakan pada 11 September 2007 bagi memastikan gaharu sebagai sumber kepelbagaian biologi hutan terus terpelihara dan industri gaharu semakin berkembang, manakala pada 15-18 Disember 2007, Seminar On Economic Valuation Of Forest Goods And Services 2007 bagi membincangkan penilaian ke atas keluaran dan perkhidmatan hutan utama seperti kayu balak, rotan, buluh, tumbuhan perubatan dan perkhidmatan hutan seperti hutan rekreasi, eko-pelancongan, sumber air dan udara bersih untuk tujuan penaksiran telah diadakan.

Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan

Bagi menambahbaik dan meningkatkan asas pengetahuan saintifik dan dokumentasi tentang komposisi flora dan fauna, JPSM telah menjalankan tiga (3) siri ekspedisi saintifik dalam tahun 2007 di kawasan-kawasan seperti berikut :

- (i) Cameron Highlands, Pahang
(20 - 25 Mei 2007);
- (ii) Royal Belum II, Perak
(18-23 Jun 2007); dan
- (iii) Gunung Angsi, Kuala Pilah, N. Sembilan
(2 - 6 Julai 2007).

Ekspedisi-ekspedisi ini telah dianjurkan dengan penyertaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), *World Wide Fund for Nature* (WWF) dan lain-lain agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Following the Tsunami disaster in 2004, there was the realization on the importance of Mangrove Forests as a buffer to break, stop and reduce the force of the sea. In line with this, a Special Task Force on the Planting Programme with Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline was established at Kampung Baru Pulau Sayak, Kota Kuala Muda, Kedah on 2 February 2007. The Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species along the National Coastline was launched by the Honorable Prime Minister of Malaysia.

The National Gaharu Conference 2007 was organised on 11 September 2007 to ensure agawood as a source of forest biodiversity will continue to be conserved and the agawood industries continued to be developed. On 15 - 18 December 2007, Seminar on Economic Valuation on Forest Goods and Services was held to discuss the economic valuation on forest goods and services such as log, rattan, bamboo, medicinal and forest services such as recreational forest, eco-tourism, water resource and clean air.

Forest Biological Diversity Scientific Expeditions

During the year, the Department continued to improve and enhance its scientific knowledge base and documentation of the floral and fauna composition. The FDPM conducted three (3) scientific expeditions in 2007 in the following areas:

- (i) Cameron Highlands, Pahang
(20 - 25 May 2007);*
- (ii) Royal Belum II, Perak
(18-23 June 2007); and*
- (iii) Gunung Angsi, Kuala Pilah, N. Sembilan
(2 - 6 July 2007).*

These expeditions were organized with participation from Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Institute of Medical Research (IMR), Malaysian Nature Society (MNS), World Wide Fund for Nature (WWF) and other government and non-governmental agencies.

JPSM juga telah menganjurkan beberapa seminar sebagai usaha untuk menyampaikan keputusan dan penemuan hasil daripada ekspedisi yang telah diadakan. Sehingga kini sebanyak empat belas (14) siri seminar telah dianjurkan termasuk tiga (3) seminar pada tahun 2007, iaitu Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Bukit Bauk, Terengganu pada 6 - 7 Ogos 2007, Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Panti, Johor pada 3 - 4 Disember 2007 dan Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Bintang Hijau, Perak pada 10 - 11 Disember 2007. Rumusan seminar-seminar tersebut sedang didokumentasikan dalam bentuk buku prosiding. Sehingga penghujung 2007, sebanyak sepuluh (10) Prosiding Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi telah berjaya diterbitkan.

V. PENGUSAHASILAN HUTAN

Kawasan Dibuka Untuk Pengusahaan

Dalam tahun 2007, kawasan HSK seluas 29,621 hektar telah diusahakan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Kawasan ini merupakan 80.0% daripada Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 36,955 hektar. Selain daripada itu, Hutan Tanah Kerajaan seluas 30,552 hektar dan Hutan Tanah Bermilik seluas 22,492 hektar turut diusahakan.

FDPM also organized several seminars in its efforts to disseminate information from the findings of the expeditions. To date, a series of fourteen (14) seminars had been organized including three (3) seminars in 2007, namely the Seminar on Forest Biological Diversity Scientific Expedition of Bukit Bauk, Terengganu from 6 - 7 August 2007, Seminar on Forest Biological Diversity Scientific Expedition of Gunung Panti Johor from 3 - 4 December 2007 and Seminar on Forest Biological Diversity Scientific Expedition of Bintang Hijau Forest Reserve, Perak from 10-11 December 2007. The findings from the seminars had been documented and published in proceedings. At the end of 2007, a total of ten (10) Scientific Expedition Seminar Proceedings on Forest Biodiversity had been successfully published.

V. FOREST HARVESTING

Area Opened For Harvesting

In 2007, a total of 29,621 hectares of PRF was harvested based on sustainable forest management principles. This represented 80.0% of the Annual Allowable Cut approved totaling 36,955 hectares. In addition, an area of 30,552 hectares of Stateland Forest and 22,492 hectares of Alienated Land were also harvested.

Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahaan, 2007 (Hektar)
Area Licenced For Harvesting, 2007 (Hectares)

JENIS HUTAN/ Forest Types	HEKTAR/ Hectares	Peratus/ Percent (%)
Hutan Simpanan kekal <i>Permanent Reserved Forest</i>		
- CTT*	29,621	48.8
- Bukan CTT**	20,934	
Hutan Tanah Kerajaan <i>Stateland Forest</i>	30,552	29.5
Hutan Tanah Bermilik <i>Alienated Land</i>	22,492	21.7
JUMLAH/ Total	103,559	100.0

* Kawasan HSK yang diurus di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan diusahakan di bawah amalan Sistem Pengurusan Memilih (SMS)/ PRF managed under Sustainable Forest Management Principles and harvested under Selective Management Systems

** Kawasan HSK yang diusahakan secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan/ PRF clear felled for forest research, development and plantation.

VI. PENGELUARAN

Dalam tahun 2007, pengeluaran kayu balak, kayu gergaji, venir dan kayu kumai berkurangan masing-masing sebanyak 10.1%, 11.6%, 53.4% dan 44.1%. Hanya pengeluaran papan lapis meningkat sebanyak 3.2% berbanding dengan jumlah pengeluaran pada tahun 2006.

VI. PRODUCTION

In 2007, the production of sawlogs, sawntimber, veneer and moulding decreased by 10.1%, 11.6%, 53.4% and 44.1% respectively. Only the production of plywood increased by 3.2% as compared to the total production in 2006.

Pengeluaran Hasil Kayu Utama (m³) 2007
Production Of Major Timber Products (m³) 2007

PENGELUARAN/ Production	2007	2006	% PERUBAHAN/ change 2007/2006
Kayu Balak / Logs	4,220,302	4,693,447	-10.1
Kayu Gergaji / Sawntimber	2,668,030	3,018,881	-11.6
Papan Lapis / Plywood	473,145	458,738	+ 3.2
Venir / Veneer	45,293	97,191	-53.4
Kayu Kumai / Moulding	195,716	349,964	-44.1

VII. INDUSTRI BERASAS KAYU

Pada tahun 2007, sebanyak 2,230 kilang pemprosesan berasaskan kayu telah dilesenkan oleh JPSM. Kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan mencatatkan bilangan kilang terbesar diikuti oleh industri kilang papan seperti yang ditunjukkan di jadual berikut:

VII. WOOD-BASED INDUSTRIES

In 2007, there were 2,230 wood-based processing mills licenced by FDPM. The furniture/ wood-making/ joinery mills constituted the largest number followed by the sawmill industry, as shown in the following table:

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2007
Number Of Major Wood-based Industries 2007

JENIS INDUSTRI/ Type Of Industry	BILANGAN/ Number
Kilang Papan/ Sawmill	667
Kilang Papan Lapis/Venir/ Plywood/Veneer Mill	53
Kilang Kayu Kumai/ Moulding Mill	175
Perabot/Kilang Kerja Kayu/ Pertukangan Tangan Furniture/Wood Working/Joinery Mill	1,298
Kilang Papan Blok/ Blockboard Mill	10
Kilang Papan Serpai/ Chipboard Mill	12
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF)/ Medium Density Fibreboard (MDF) Mill	7
Kilang Papan Serpih/ Moulded Particleboard Mill	8

VIII. SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Pada tahun 2007, sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM22.7 bilion atau 3.2% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia.

Perdagangan Hasil-Hasil Kayu

Pada tahun 2007, jumlah pendapatan eksport hasil kayu dari Malaysia telah menurun sebanyak 2.5% kepada RM22.7 bilion berbanding tahun 2006 (RM23.4 bilion). Ini merupakan 3.8% dari jumlah hasil eksport kasar Malaysia iaitu f.o.b RM605.1 bilion.

Perabot (RM6.72 bilion) dan papan lapis (RM6.27 bilion) merupakan penyumbang terbesar (57.2%) kepada jumlah keluaran eksport kayu dan eksport hasil berasaskan kayu. Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah adalah antara destinasi eksport utama negara.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport hasil kayu dan hasil berasaskan kayu yang berjumlah RM11.66 bilion telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.3% berbanding RM11.40 bilion pada tahun 2006.

Jumlah Kutipan Hasil Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi terutamanya dari royalti, premium, ses pembangunan hutan, denda, pampasan dan lain-lain (lesen dan yuran). Kutipan ini telah menyumbang RM314.4 juta kepada hasil kerajaan negeri pada tahun 2007.

VIII. SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

In 2007, the forestry sector contributed RM22.7 billion or 3.2% of Malaysia's Gross Domestic Product.

Timber Products Trade

In 2007, total export earnings from Malaysian timber products decreased by 2.5% to RM22.7 billion as compared to 2006 (RM23.4 billion). This accounted for 3.8% of the total gross export earnings of Malaysia at f.o.b RM605.1 billion.

Furniture (RM6.72 billion) and plywood (RM6.27 billion) together contributed the major portion (57.2%) of the total timber and timber-based product export earnings. United States of America, Japan and European Union were amongst the major export destinations.

For Peninsular Malaysia, export of timber and timber-based products which amounted to RM11.66 billion, registered an increase of 2.3% as compared to RM11.40 billion in 2006.

Total State Government Revenue Collected

Forest revenue derived mainly from royalty, premium, forest development cess, fines, compensation and others (such as licence charges and fees). The forest revenue contributed RM314.4 million to the state coffers in 2007.

Jumlah Pekerjaan Secara Langsung

Dalam tahun 2007, jumlah pekerjaan secara langsung dalam sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia berjumlah 95,274 orang. Ini mencatatkan penurunan keseluruhan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2006. Hanya Industri perabot dan Kayu kumai menunjukkan peningkatan sebanyak 8.6% dan 0.8%. Butir-butir lanjut tenaga kerja mengikut industri adalah seperti berikut :

Total Direct Employment

In 2007, the forestry sector in Peninsular Malaysia employed 95,274 persons. This registered an overall decrease of 0.4% as compared to 2006. Only the furniture and moulding industry reported an increase in employment of 8.6% and 0.8%. Details of direct employment by industry are as follows

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan, Semenanjung Malaysia, 2007
Total Direct Employment In the Forestry Sector, Peninsular Malaysia, 2007

INDUSTRI/ Industry	PEKERJAAN/ Employment	PERUBAHAN TAHUNAN Annual Change (% 2007/2006)
Jumlah / Total	95,274	+1.32
Pembalakan/ Logging	7,906	-6.8
Kilang Papan/ Sawmill	21,031	-7.9
Papan Lapis/ Venir/ Plywood/ Veneer	5,696	-6.3
Kayu Kumai/ Moulding	5,035	+0.8
*Perabot/ *Furniture	50,119	+8.7
Awam/ Public	5,487	-0.56

* Perangkaan untuk Malaysia, seperti yang dikeluarkan dalam Statistik Pengeluaran Bulanan (Disember 2007) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
Figure for Malaysia, as published in Monthly Manufacturing Statistics (December 2007) by Department of Statistics Malaysia

Jumlah Pelaburan

Pada tahun 2007, jumlah pelaburan dalam industri berasas kayu utama di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap adalah RM2.12 juta. Ini mencatatkan peningkatan 7.9% dari tahun 2006 (RM1.97 juta). Dari jumlah ini, RM1.09 juta atau 51.5% adalah pelaburan dalam industri kilang papan, RM0.62 juta atau 29.2% dalam industri papan lapis/venir dan RM0.41 juta atau 19.3% adalah dalam industri kayu kumai.

Total Investment

In 2007, the total investment in major wood-based industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets was RM2.12 million, indicating an increase of 7.9% from 2006 (RM1.97 million). Of this total, RM 1.09 million or 51.5% were invested in the sawmilling industry, RM0.62 million or 29.2% in the plywood/veneer industry and RM0.41 million or 19.3% were in the moulding industry.

IX. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dalam tahun 2007, Jabatan telah memberi tumpuan kepada sumber-sumber yang penting bagi menyediakan dan mengendalikan latihan dan program pembelajaran yang berkaitan bagi memprolehi pengetahuan dan kemahiran terkini kepada kakitangan. Sejumlah 948 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang dijalankan di sepanjang tahun. Di samping itu, seramai 56 orang telah menghadiri Kursus Sijil Pengawas Hutan di Sekolah Perhutanan Kepong dan berjaya memperolehi sijil masing-masing. Manakala seramai 17 orang telah menghadiri Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2006/2007. Program latihan sepanjang 2007 adalah seperti berikut:

IX. HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

In 2007, the Department had devoted significant resources to provide and organize relevant training and learning programmes for staffs to acquire new knowledge and skills. A total of 948 staffs from the Department had benefited from the various training activities implemented during the year. In addition, 56 persons who attended the Forester Certificate Course in the School of Forestry, Kepong had successfully obtained their Forester Certificates, while a total of 17 candidates attended the Forestry Ranger Certificates Course for the 2006/2007 session. The training programmes during 2007 were as follows :

Program Latihan Sepanjang 2007
Training Programme During 2007

KATEGORI / <i>Categori</i>	DALAM NEGARA <i>Local</i>	LUAR NEGARA <i>Overseas</i>
Kursus / Lawatan Belajar <i>Course / Study Tour</i>	48	2
Bengkel / Seminar <i>Workshops / Seminars</i>	32	10
Persidangan / Conferences <i>Taklimat / Briefing</i>	11	26
Ekspedisi / Expeditions <i>Simposium / Forum / Kongres</i>	1	-
Dialog / Kolokium / Syarahan <i>Dialogue / Colloquium / Public Lecture</i>	3	3



ARTIKEL
Articles

ARTIKEL / Article 1

PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN MADU LEBAH LIAR COLLECTION AND PROCESSING OF WILD HONEY

Lebah tergolong dalam famili *Apidae* dan terdiri daripada genus *Apis*, disifatkan dengan pembentukan sarang secara menegak daripada sel-sel yang berbentuk segi enam pada dahan pokok dengan menggunakan lilin yang diliurkan oleh lebah pekerja. Dua sifat semulajadi madu lebah adalah perangai berkelompok serta berkongsi informasi tentang sumber-sumber makanan dengan tarian isyarat.

Terdapat empat spesies lebah dalam genus *Apis*, iaitu *A. dorsata*, *A. mellifera*, *A. cerana* dan *A. florea*. Dua spesies yang biasanya digunakan untuk pemeliharaan lebah adalah dalam satu koloni sarang lebah, terdapat seekor ratu lebah, 60,000 – 80,000 lebah pekerja dan beberapa ratus lebah jantan. Fungsi penting lebah ratu hanya menghasilkan telur dan seterusnya menghasilkan sama ada lebah pekerja, lebah jantan atau ratu baru. Tugas utama biologikal lebah jantan hanya untuk melakukan persenyawaan dengan ratu lebah. Lebah pekerja: mengumpul pollen dan nektar untuk dijadikan madu, sumber makanan dan juga bertindak sebagai askar. Madu yang dihasilkan oleh lebah liar adalah daripada spesies *A. dorsata*. Kebiasaannya, lebah spesies ini membuat sarang pada pokok Tualang [*Koompassia excelsa*] kerana batang pokok tersebut licin dan tinggi untuk mengelakkan sarang diganggu oleh pemangsa.

Bees belonging to the family Apidae with a single genus, Apis, which is characterized by the building of vertical combs of hexagonal cells constructed bilaterally from a midrib, using only wax secreted by worker bees. Two behavioral characters of honey bees are their clustering behaviour and the communication of information about food sources as well as the recruitment of foragers by 'dance language'.

The genus comprises four species, namely A. dorsata, A. mellifera, A. cerana and A. florea. A. mellifera and A. cerana are usually used in apiculture. In a single honey bee colony, there is one queen bee, 60,000 – 80,000 worker bees and several hundred drone bees. The essential function of the queen bee is to lay eggs which eventually will either become worker bees, drones or a new queen. The sole biological function of drones is to mate with queens. The worker bees sequentially take on a series of specific chores during their lifetime : collecting pollen and nectar to become honey, guards and under-takers. Wild honey is mainly obtained from A. dorsata species. These species usually build their nests suspended on Tualang trees [Koompassia excelsa] because of its smooth bark and height, making access to terrestrial predators very difficult.



Pokok Tualang [*Koompassia excelsa*]



Pengumpul madu memanjat pokok dengan kaedah paku
Honey collector climbing tree using nails as steps

Pengumpulan madu lebah liar (*A. dorsata*) di hutan merupakan kerja yang berisiko tinggi. Pada masa sekarang, aktiviti tersebut semakin kurang dilakukan oleh generasi muda disebabkan banyak tarikan pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih menarik dan alternatif kepada orang ramai untuk mendapatkan madu di pasaran yang dihasilkan oleh penternak lebah (*A. mellifera*). Aktiviti pengumpulan madu lebah liar hanya dilakukan oleh masyarakat kampung sebagai menambah pendapatan sampingan selain untuk kegunaan sendiri. Disebabkan nilai khasiat madu, kekurangan bekalan dan risiko tinggi terlibat dalam penuaian madu lebah liar, terpaksa memanjat melebihi 220 kaki pokok Tualang, maka harga yang ditawarkan menjadi mahal.

Lazimnya pengumpulan madu lebah liar dijalankan secara berpasangan atau ada kalanya berkumpul setelah lokasi sarang lebah telah dikenalpasti. Madu lebah liar hanya akan dituai sekiranya telah matang, iaitu bentuk sarangnya berlekung atau selepas 44 hari dari mula sarang dibina untuk memastikan ianya matang. Selain daripada kaedah membina tangga, kaedah memasang paku sepanjang 6 inci pada batang pokok untuk pengumpul memanjat pokok tersebut. Terdapat juga dimana sesetengah pencari menggunakan kaedah tali rotan dan panjat pokok bersebelahan yang mempunyai sarang lebah. Masa yang sesuai bagi pengumpulan madu ialah malam untuk mengelak daripada disengat lebah tetapi ada kalanya, dijalankan pada siang hari bagi mereka yang sudah lali dengan sengatan lebah.

Peralatan utama yang digunakan ialah pisau, baldi, tali dan bahan pengasap bagi menghasilkan asap untuk menenangkan lebah. Bahan pengasap terdiri



Menenangkan lebah dengan menggunakan asap
Smoke used to calm the bees

*Harvesting of wild honey (*A. dorsata*) in the forest is dangerous work. Currently, the younger generations are less keen in such job because of better opportunities offering attractive incomes and alternatives in purchasing honey produced by bees reared by apiculturists (*A. mellifera*) from the market. This activity is mainly carried out by the rural folks to supplement their incomes besides for their own consumption. Due to its nutritional value, scarce resources and high risks involved in the harvesting of wild honey, having to climb more than 220 feet high Tualang trees, the price of wild honey offered becomes more expensive.*



Menurunkan baldi yang mengandungi sarang lebah
Lowering of pail containing honey comb

Wild honey collection is usually carried out in pairs, but at times, in groups after the location of the bees hives is identified. Wild honey is usually harvested when the shape of the bees hive is curve (bent down) or 44 days after the bees make their hives to ensure that the honey is matured. The harvester will either construct ladders made from branches onto the trees or nail six inches nails onto the trees as steps for climbing to collect the honey. There are other collectors who use rattan ropes or climb the adjacent tree before crossing over to the host tree. Honey collection is usually carried out in the night to prevent the attack of the bees, although some harvesters who are numbed with bees' stings preferred in the morning.

daripada bunga kelapa sawit, kulit pokok kenanga, sabut kelapa dan reja-reja kayu. Bahagian sarang lebah yang mengandungi madu dipotong dengan menggunakan pisau dan dimasukkan ke dalam baldi. Kemudian baldi berisi madu akan diturunkan dengan menggunakan tali dengan bantuan pembantu di bawah pokok tersebut.

Mengambil bahagian sarang lebah yang mengandungi madu secara tidak langsung dapat mengurangkan kerosakan pada keseluruhan sarang lebah dan membolehkan lebah dapat menghasilkan semula madu pada sarang yang sama dalam tempoh masa yang lebih singkat, puratanya 20 hari. Walau bagaimanapun, terdapat juga pencari yang mengambil keseluruhan sarang lebah untuk dijadikan lilin.

Baldi yang mengandungi sarang lebah akan dibawa balik ke rumah untuk ditapis dan dibotolkan. Bagi pengumpul orang asli, madu yang diperolehi akan dijual bersama sarang terus kepada orang tengah tanpa pemprosesan. Untuk aktiviti pemprosesan, sarang lebah yang berisi madu dibelah dua bagi mengeluarkan madu dari dalam sarang. Madu dibiarkan mengalir ke dalam bekas (plastik) dan kemudiannya ditapis untuk mengasingkan benda asing. Madu yang ditapis akan dimasukkan ke dalam botol dan ditutup dengan penutup jenis gabus ataupun plastik. Bekas logam tidak boleh diguna untuk menyimpan madu kerana akan mencemar madu dengan toksik besi dan plumbum.

Warna dan rasa madu turut mempengaruhi harga madu. Warna madu berbeza dari warna kuning keemasan ke perang kehitaman. Manakala,



Menapis madu
Sieving honey

The main equipments used for harvesting are knife, pail, rope and materials used to produce smoke to calm the bees. These materials include oil palm's flower, kenanga barks, coconut husk and wood chips. The part containing the honey is scraped from the comb using a knife and placed into the pail. The pail is then lowered by means of ropes to an assistant on the ground.

Harvesting the part containing the honey does not result in the whole colony being killed. The bees are able to reconstruct their nests in a shorter period, averagely in 20 days. However, there are others who harvest the whole nests for beeswax.



Sarang lebah yang dikumpulkan
Honey comb collected

The pail containing the honey will be brought home for sieving and bottled. The orang asli usually do not process the honey but sold their harvest which include the comb directly to the middleman. The collected honey combs are then sliced into half and left to drip dry onto a plastic container. An ordinary sieve is used for removing any impurities. The sieved honey is then bottled and sealed, usually with a cork. It is not advisable to use metal containers as they can taint the sweet honey with toxic iron and lead.

rasa berubah dari manis ke sangat manis dan adakalanya terdapat sedikit rasa buah-buahan dan bunga bergantung kepada sumber nektar yang diperolehi dari persekitaran. Madu yang telah siap dibotolkan akan dijual secara terus kepada pembeli dengan harga diantara RM 100 - 150 sekilo atau RM 60 - 80 sekilo kepada orang tengah. Namun bagi masyarakat orang asli, madu yang diperolehi akan dijual bersama sarang dengan harga diantara RM 17 - 20 sekilo.

Colours and tastes of wild honey also influenced the price of honey. The honey colours vary from golden light yellow to shades of dark brown. Meanwhile, the taste differs from lightly sweet, too sweet, bitter sweet, flowery to subtly fruity. All these depended on the nectar and pollen collected by the wild bees. Bottled honey sold to customers ranged from RM 100 - 150 per kg or RM 60 - 80 per kg to middleman. Orang asli honey collectors sell the honey with comb at RM 17 - 20 per kg.



Madu dalam botol
Bottled honey

Artikel ini disumbangkan oleh Poh Lye Yong, Pegawai Ehwat Ekonomi, Unit Ekonomi Hutan, Ibu Pejabat Perhutanan
This article is contributed by Poh Lye Yong, Economist, Forest Economics Unit, Forestry Department Headquarters

ARTIKEL / Article 2

PROJEK TANAMAN KARAS (*Aquilaria malaccensis*) OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU – SATU PENGALAMAN *KARAS (Aquilaria malaccensis) PLANTATION PROJECT BY THE TERENGGANU STATE FORESTRY DEPARTMENT – AN EXPERIENCE*

1.0 PENGENALAN

Gaharu berasal dari perkataan Sanssekrit iaitu "agaru" yang bererti kayu berat (tenggelam) sebagai produk damar atau resin dengan aroma yang harum apabila kayu dibakar. Gaharu dikenali dengan lebih dari 20 nama seperti agaru, aloeswood, agar wood, eagle wood, chen-xiang, jinkoh, jinko, oud, ood, ud dan lain-lain lagi.

Di negara Asian terdapat lebih kurang 15 spesies gaharu. Gaharu diperolehi dari sejenis tumbuhan dari famili *Thymeleaceae*. Spesies yang paling popular berkaitan dengan gaharu adalah *Aquilaria malaccensis*. Spesies ini merupakan spesies yang mempunyai ketinggian 25 meter hingga 36 meter atau lebih dan mempunyai diameter di paras dada sehingga 60 centimeter (Anon, 1973). Antara negara-negara yang mempunyai spesies ini adalah Bangladesh, Bhutan, India (Assam, Manipur, Meghalaya, Tripura), Indonesia (Kalimantan, Sumatera), Iran, Malaysia (Semenanjung Malaysia), Myanmar, Philippines, Singapura dan Thailand.

Di Semenanjung Malaysia terdapat lima spesies *Aquilaria* yang berpotensi boleh menghasilkan 'aleoresins' (Chang *et al*, 2001) seperti di **Jadual 1**.

1.0 INTRODUCTION

Gaharu comes from the Sanskrit word "agaru" which means heavy wood (sinking) is an aromatic resin product that emits pleasant fragrance when burnt. Gaharu is also known by more than 20 names like agaru, aloeswood, agar wood, eagle wood, chen-xiang, jinkoh, jinko, oud, ood, ud and many more.

In Asian countries, there are about 15 species of gaharu. It is extracted from a plant species in the family Thymeleaceae. The most popular species related to gaharu is Aquilaria malaccensis. This species can grow to a height of 25 meters to 36 meters or more, and a diameter measured at breast height of up to 60 centimeters (Anon, 1973). This species are found in Bangladesh, Bhutan, India (Assam, Manipur, Meghalaya, Tripura), Indonesia (Kalimantan, Sumatera), Iran, Malaysia (Peninsular Malaysia), Myanmar, the Philippines, Singapore and Thailand.

There are five species of Aquilaria that have the potential to produce 'aleoresins' in Peninsular Malaysia (Chang et al,2001) as shown in Table 1.

Jadual / Table 1 : Spesies *Aquilaria* Yang Boleh Menghasilkan Gaharu Di Malaysia
Aquilaria Species That Can Produce Gaharu In Malaysia

Spesies / <i>Species</i>	Nama Tempatan / <i>Local Name</i>	Gred / <i>Grade</i>
<i>A.malaccensis</i>	Gaharu	Sederhana / <i>Medium</i>
<i>A.microcarpa</i>	Garu	Sederhana / <i>Medium</i>
<i>A.hirta</i>	Chandan	
<i>A.rostrata</i>		
<i>A.beccariana</i>	Gaharu, Tanduk	

Source : Chang, *et al*. 2001



Ladang Karas
Karas Plantation

2.0 PROJEK TANAMAN KARAS

Pada pertengahan tahun 2005, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah mengambil inisiatif menubuhkan Ladang Karas seluas 47 hektar di Hutan Simpan Merchang, Marang. Projek tanaman karas ini dimulakan pada bulan Ogos tahun 2005 dimana kerja-kerja menebas, menebang, membakar, menggali parit serta membaiki jalan-jalan yang sedia ada dilakukan. Kerja-kerja menanam pula dimulakan pada bulan Oktober dan siap pada bulan November 2005.

Di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan projek ini ialah:-

a. Keadaan cuaca

Pokok karas boleh tumbuh pada ketinggian 750 meter dari aras laut dengan suhunya antara 28°C hingga 34°C. Kelembapan pula antara 60% hingga 80%. Sementara curahan hujan pula adalah antara 1,000 hingga 2,000 millimeter/tahun.

b. Kadar pertumbuhan

Sebagai perbandingan, Sumarna (2002) telah melaporkan kadar pertumbuhan spesies *Aquilaria malaccensis* di Indonesia ialah 1.64 sentimeter/tahun, manakala kadar pertumbuhan yang direkod di negeri Terengganu pada masa ini menunjukkan ketinggian sehingga 2.54 meter bagi spesies yang sama selepas dua tahun ianya di tanam.

c. Peratus kehidupan yang tinggi

Peratus kehidupan yang telah direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu selepas tiga bulan ditanam daripada sejumlah 39,500 anak pokok adalah 83%.

d. Umur pokok matang yang terpendek boleh menghasilkan gaharu secara proses inokulen

Gaharu boleh dihasilkan melalui proses inokulen selepas beberapa tahun ditanam. Pada masa ini, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu berasaskan pemerhatian di Indonesia di mana

2.0 KARAS PLANTATION PROJECT

In mid-2005, the Terengganu State Forestry Department took the initiative to establish a 47-hectare Karas Plantation in the Merchang Forest Reserve, Marang. The project started with land clearing, cutting of trees, construction of drains and road repairs on existing roads in August 2005. Planting started in October and was completed in November 2005.

Among the factors that contributed to the success of this project are:-

a. Weather condition

The karas trees can grow to a height of 750 meters from sea level with temperatures between 28°C to 34°C. Humidity is between 60% to 80%. Meanwhile, rainfall is between 1,000 to 2,000 millimeter/year.

b. Growth rate

For comparison, Sumarna (2002) reported that the growth rate of *Aquilaria malaccensis* in Indonesia was 1.64 centimeter/year, while the growth rate recorded in Terengganu was 2.54 meter for the same spesies two years after planting begins.

c. High percentage of survival

The percentage of survival recorded by the Forestry Department of Terengganu after three months of planting 39,500 seedlings was 83%.

d. The earliest tree that matures and can produce gaharu by using the inoculation process

Gaharu can be produced using the inoculation process after several years of planting. Currently, the Terengganu State Forestry Department based the inoculation process on observations



Kerja-kerja membersihkan ladang Karas
Clearing of undergrowth in Karas plantation

proses inokulen dimulakan seawal usia pokok lima tahun dan mendapatkan hasil gaharu selepas 10 tahun ditanam [Sumarna, 2002].

e. Kaedah penanaman yang mudah

Kaedah penanaman boleh dilaksanakan dengan beberapa cara antaranya secara monokultur dengan jarak tanaman yang sesuai iaitu 3m x 3m dengan jumlah pokok sebanyak 1,000 hingga 1,300 pokok se hektar atau boleh menggunakan jarak 2m x 3m dengan jumlah anak pokok yang ditanam boleh mencapai sehingga 1,600 pokok se hektar. Kawasan-kawasan yang dianggap miskin serta terosot boleh ditanam dengan pokok karas. Tanaman secara selang juga boleh diamalkan dibawah pokok-pokok lain yang berumur antara 5 hingga 8 tahun seperti di ladang kelapa sawit atau ladang kopi [Sumarna, 2002].

f. Harga pasaran gaharu yang tinggi

Harga pasaran gaharu adalah tinggi terutamanya di Arab Saudi, Hong Kong, Jepun, Vietnam, Egypt dan lain-lain negara untuk penghasilan minyak wangi dan nilai-nilai perubatan yang tinggi. Harga gaharu di pasaran ada dikatakan boleh mencapai RM 8,000/kg hingga RM10,000/kg.

in Indonesia, where the trees were inoculated as early as five years old to yield gaharu after 10 years of planting [Sumarna, 2002].

e. Simple planting method

The method of planting is conducted in several ways such as monoculture where the trees are grown within the 3m x 3m distance with a total of 1,000 to 1,300 plants per hectare or using the 2m x 3m distance where the number of trees planted reached 1,600 per hectare. Areas that are considered poor and isolated can be planted with karas trees. It can also be planted as an inter-crop with other trees aged between 5 to 8 years old in oil palm or coffee plantations [Sumarna, 2002].

f. High market price for gaharu

The market price for gaharu is high especially in Saudi Arabia, Hong Kong, Japan, Vietnam, Egypt and other countries for the production of perfume and medicinal products. The market price for gaharu is said to be as high as RM 8,000/kg to RM10,000/kg.

3.0 KOS - KOS YANG TERLIBAT

Awal penubuhan ladang karas melibatkan kos-kos seperti di **Jadual 2**. Perbelanjaan keseluruhan projek ini menggunakan peruntukan kewangan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH).

3.0 COSTS INVOLVED

*The costs of establishing a karas plantation are as shown in **Table 2**. The overall expenditure for this project is borne by allocations from the Forest Development Fund (KWPH).*

**Jadual / Table 2 : Kos Penubuhan Ladang Karas Seluas 47 ha*
Costs of Establishing A Karas Plantation Over 47 ha***

Bil./ No.	Perbelanjaan / Expenditure	Jumlah Kos/ Total Cost (RM)
1.	Pembelian 70,000 anak pokok karas secara sebutharga <i>Purchase of 70,000 karas seedlings based on quotation</i>	115,500
2.	Penyediaan tapak dan aktiviti menanam <i>Preparation of site and planting activity</i>	115,560
3.	Lain-lain perbelanjaan <i>Other expenditure</i>	41,983
JUMLAH / TOTAL		270,043

* tidak termasuk harga tanah / *exclude price of land*

Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah membelanjakan sebanyak RM 450,000 untuk kerja-kerja rawatan seperti membaja, merumpai, meracun, menyulam dan lain-lain kerja yang berkaitan.



Ladang Karas berusia dua tahun
Two years old Karas Plantation

To - date, the Forestry Department of Terengganu has spent RM 450,000 for fertilizing, weeding, pest control, replacing dead seedlings and other related work.



Serangan oleh ulat ratus
Spodoptera citura attacked

4.0 MASALAH-MASALAH DAN CABARAN YANG DIHADAPI DAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHANNYA

a. Serangan oleh *scale insect*

Selepas 4 bulan ditanam, anak pokok karas yang telah ditanam telah diserang oleh sejenis *scale insect* dari spesies *Aulacaspis spp.* Spesies ini telah menyerang daun dan batang yang menyebabkan daun menjadi kuning dan batang menjadi kering dan sekiranya tidak diambil tindakan segera menyebabkan pokok mati. Tindakan pencegahan yang perlu diambil ialah dengan menyembur racun yang mengandungi *white oil* sehingga 72% w/w seperti racun Albarol.

b. Pokok musuh seperti *Acacia mangium* dan rumpai mengganggu pertumbuhan

Masalah yang dihadapi selepas enam bulan di tanam ialah pokok-pokok karas telah bersaing dengan pokok-pokok *Acacia mangium* yang terlalu cepat tumbuh (purata ketinggian *Acacia mangium* ialah sekaki pada umur sebulan). Keadaan ini telah menyebabkan pertumbuhan anak-anak pokok karas terbantut. Masalah *Acacia mangium* boleh diatasi dengan menggunakan kaedah yang telah dipraktikkan oleh RRIM iaitu dengan menggunakan racun Garlon yang dicampur dengan minyak diesel dengan menggunakan formula 1:5 atau 1:9 dan disapu pada batang yang telah ditebas. Sementara rumput rumpai boleh diatasi dengan menggunakan racun-racun biasa yang ada di pasaran seperti CAPAYAN, SHOOT dan Paraquat 13.

4.0 PROBLEMS, CHALLENGES FACED, AND PREVENTIVE MEASURES

a. Attack by *scale insect*

After four months, the planted karas seedlings were attacked by a species of scale insect from Aulacaspis spp. This species attacked the leaves and stems turning the leaves yellowish and the stems dry, and if no immediate steps being taken, the trees will die. Preventive measure taken was by spraying pesticides containing white oil up to 72% w/w like the poison Albarol.

b. Invasive trees like *Acacia mangium* and weed that affect growth

Problems faced after six months of growth was that the karas trees had to compete with the fast growing Acacia mangium trees (average growth of Acacia mangium is a foot in one month). This situation stunt the growth of the karas trees. The problem of Acacia mangium was overcome by using the method used by RRIM, that is mixing the poison Garlon with diesel using the 1:5 or 1:9 formula and is applied to the trunks that have been cut. As for weeds, it was controlled by using common herbicides available in the market like CAPAYAN, SHOOT and Paraquat 13.

**c. Serangan oleh ulat ratus
(*Spodoptera citura*)**

Masalah ulat ratus didapati telah mengancam pokok karas selepas setahun penanamannya terutama selepas hujan turun dimana ulat-ulat ini telah memakan daun karas dan ada setengah daripada pokok yang diserang telah mati. Masalah ini boleh diatasi dengan menggunakan racun yang mengandungi bahan aktif cypermethrin seperti racun *Kencis* yang disembur pada daunnya.

**d. Kejadian penyakit akar putih
(*Rigidoporous lignosus*)**

Penyakit ini dikesan melalui simptom pada pokok karas iaitu daun layu, berwarna kekuningan serta gugur dan akhirnya pokok tersebut akan mati. Biasanya pokok-pokok yang diserang berada di kawasan tanah pamah yang mana salirannya tidak baik. Bahan yang mempunyai bahan aktif *hexaconazole* perlu digunakan dengan menyiram racun ini pada pangkal pokok. Antara racun yang didapati dipasaran seperti *Xzole 50*, *Vantil*, *AGR Hexagon* boleh digunakan untuk merawat penyakit ini.

**e. Serangan oleh ulat pengorek batang
(*Rhytidodera simulans*)**

Lazimnya ulat ini menyerang pokok dengan menetas di dalam ranting yang agak lembut dan mengorek masuk ke dalam batang yang lebih besar. Ranting atau dahan yang diserang akan mempunyai lubang dan jika serius daun-daun pada ranting dan dahan itu akan layu dan mati. Untuk mengatasi masalah ini ranting yang telah diserang dicantas dan dimusnahkan. Kawalan dengan menggunakan bahan kimia sebagai rutin juga dapat mengawal serangga ini iaitu dengan cara memasukkan racun *Malathion* ke dalam lubang dan ditutup dengan tanah liat atau plastersin.

f. Kejadian penyakit Koya (*Phaenococcuc spp.*)

Penyakit ini membawa kesan pada daun dimana daun akan menjadi kuning dan hampir layu disebabkan oleh air daripada daun diserap oleh spesies ini dan akhirnya daun akan gugur dan sekiranya tidak dikawal secepat yang mungkin pokok akan mati. Cara mencegahnya ialah dengan menyembur racun yang mengandungi *white oil* seperti racun *Albarol*.

c. Attack by *Spodoptera citura*

This insect is a threat to one-year-old karas trees, and will attack the trees usually after a rainy spell where the leaves will be eaten and some trees will die after the attack. This problem can be overcome by applying herbicides containing cypermethrin like the poison Kencis sprayed onto the leaves.

**d. White root disease
(*Rigidoporous lignosus*)**

This disease was detected by observing the wilting leaves when the leaves turned yellowish, drop and ultimately killing the trees. Trees that were affected were normally those located in areas with poor drainage. Chemical containing hexaconazole were sprayed at the base of the trees. Among the poison available in the market are Xzole 50, Vantil, AGR Hexagon that can be used to treat this disease.

**e. Attack by bore insect
(*Rhytidodera simulans*)**

Usually these insects will attack a tree by boring and laying eggs that will hatch in the softer branches and once hatch, it will bore further into bigger branches. If the attack is serious, the leaves will wilt and branches will die. To overcome this problem, the attacked branches will be cut, removed and destroyed. Control is by applying chemicals on a routine basis that is by applying the poison Malathion in the hole and closing it with mud or plastercine.

f. The 'Koya' (*Phaenococcuc spp.*) disease

This disease effects the leaves where the leaves will turn yellow and wilt because of the absorption of the liquid by this species and finally the leaves drop and the plant may die unless it receives treatment early. Prevention is by spraying poison containing white oil like Albarol.

g. Keperluan siram pokok karas di musim kemarau

Musim kemarau di Terengganu berlaku diantara bulan April hingga Ogos. Pokok-pokok karas perlu disiram pada musim ini. Oleh itu pembinaan parit di dalam kawasan ladang yang mempunyai air sepanjang musim amat diperlukan samada untuk kegunaan meracun dan menyiram pada musim kemarau. Beberapa tangki air 500 liter juga telah dipasang di puncak bukit sebagai tempat menyimpan air yang berterusan. Tangki air bergerak juga telah digunakan di ladang ini.

h. Keadaan tanah yang mempunyai pH yang rendah

Keadaan tanah yang berasid dengan pH antara 4.2 hingga 4.25 adalah tidak sesuai untuk pertumbuhan pokok karas. Kerja-kerja pengapuran dengan menggunakan GML (Ground Magnesium Limestone) sebanyak 260g/pokok perlu dilaksanakan untuk mendapatkan pH tanah antara 5.5 hingga 6.5 supaya pokok-pokok karas dapat hidup dengan subur. Kerja-kerja pengapuran perlu dilakukan enam bulan sekali bagi menambahkan unsur *Ca* dan *Mg*. Selain daripada itu, kerja-kerja untuk memperbaiki sistem saliran perlu dilakukan supaya air tidak bertakung di kawasan tanaman. **Jadual 3** menunjukkan ukuran pH tanah yang telah diambil di dalam petak-petak tumbesaran seluas 1 ha yang ditubuhkan setelah 3 bulan kerja-kerja menanam selesai dijalankan.

g. Need to water the karas tree during dry season

The dry season in Terengganu occurs from April to August. The karas trees need to be watered during this season. As such, there is a need to construct drains in the plantation as water is required throughout the season. Water is not only used for watering but in pest control during the dry season. Several water tanks with the capacity of 500 litres have been placed at high elevations to store water. Mobile water tanks are also being used in the plantation.

h. Soil containing low pH

The soil acidity of pH between 4.2 to 4.25 is not suitable for the growth of karas trees. Lime had to be applied using GML (Ground Magnesium Limestone) to 260g/tree to achieve a soil pH of between 5.5 to 6.5 to support a healthy growth of the karas trees. Lime need to be applied every six months to improve the quantity of *Ca* dan *Mg*. Apart from this, improvement to the drainage need to be carried out to prevent water stagnation. **Table 3** shows the measurement of pH of soil taken from the growth compartment in a one hectare area where planting had been carried out after three months.

Jadual / Table 3 : Peratus Kematian Berbanding Dengan pH Tanah Serta Kandungan Ca dan Mg / Percentage of Mortality Compared With Soil pH and the Content of Ca and Mg

Blok/Block (1 ha)	pH Tanah Soil pH	Peratus Kematian Mortality (%)	Ca (meq/100g)	Mg (meq/100g)
1	5.5	15.15	0.46	0.19
2	5.0	18.78	0.24	0.07
3	4.1	21.81	0.19	0.01
4	4.6	11.12	0.45	0.07
PURATA AVERAGE		16.72		

Dari **Jadual 3**, adalah didapati peratus purata kehidupan adalah 83.28%. Di samping ini, kandungan *Ca* dan *Mg* didapati kurang bagi blok 2 dan 3, oleh itu pengapuran dengan GML perlu dilakukan (260g/pokok) di blok-blok tersebut.

From **Table 3**, it was found that the average percentage of survival is 83.28%. In addition, the content of *Ca* dan *Mg* was less for block 2 and 3, and therefore the application of lime with GML need to be carried out (260g/tree) in the blocks.

i. Keperluan kejadian kawalan daripada binatang ternakan dan binatang liar

Kedudukan kawasan ladang karas yang berhampiran dengan kawasan ladang kelapa sawit telah menimbulkan masalah dimana binatang ternakan dan binatang liar dari kawasan ladang kelapa sawit telah memasuki kawasan ladang. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memasang pagar elektrik yang menggunakan kuasa solar dengan kos yang rendah untuk mengelakkan kawasan ini dicerobohi oleh binatang-binatang tersebut. Pagar ini pula tidak membahayakan kepada manusia.

5.0 STRATEGI MASA DEPAN

a. Penubuhan Pusat Penyelidikan Karas Negeri Terengganu

Pada tahun 2007, ladang karas telah diisytiharkan sebagai Pusat Penyelidikan Karas Negeri Terengganu. Untuk memastikan maklumat penyelidikan dalam penubuhan ladang ini tercapai, banyak lagi data-data perlu dikutip dan dikumpulkan untuk memastikan kejayaan tanaman ini di Malaysia. Banyak agensi yang berkaitan perlu dijemput untuk bekerjasama dalam melaksanakan penyelidikan. Sehingga ini terdapat dua agensi sahaja yang terlibat iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan Agensi Tenaga Nuklear Malaysia.

Pusat Penyelidikan Karas Negeri Terengganu bakal menjadi Pusat Penerangan dan perlu dibuka kepada orang ramai atau agensi lain untuk dilawati. Secara tidak langsung, pusat ini turut menjadi satu destinasi pelancongan bagi negeri Terengganu. Kenyataan ini boleh direalisasikan dengan terbinaanya jalan masuk ke pusat tersebut disamping sebuah Dewan Serbaguna dan dijangka siap pada tahun 2008.

b. Mewujudkan Manual Penanaman Pokok Karas

Manual Penanaman Pokok Karas perlu diwujudkan untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai dan agensi-agensi swasta yang berminat tentang cara-cara penanaman dan kawalan penyakit serta penyelenggaraannya yang lebih sistematik untuk memastikan kejayaannya.

i. Need to control pest, farm and wild animals

The location of the karas plantation near an oil palm plantation created problem where farm and wild animals encroached into the karas plantation. To overcome this problem, the Forestry Department of Terengganu has erected electric fence using solar energy that is cost efficient to prevent further encroachment by these animals. The fence poses no danger to humans.

5.0 FUTURE STRATEGY

a. Establishment of the Terengganu Karas Research Centre

In 2007, the karas plantation was declared as the Terengganu Karas Research Centre. To ensure that research information meet the objective of the establishment the research center, much more data need to be gathered to assist the success of such a project in Malaysia. Many related agencies have to be invited to co-operate in carrying out research. At this moment only two agencies, namely the Forestry Department of Terengganu and the Malaysian Institute of Nuclear Energy are involved.

The Terengganu Karas Research Center is set to become an Information Centre and should be opened to the public or other agencies. Indirectly, this center could become a tourist destination for the state of Terengganu. This could be realized with the construction of a road leading to the center besides a Multi-Purpose Hall expected to be completed in 2008.

b. Publishing a Manual on the Cultivation of Karas Trees

A manual on the cultivation of karas trees need to be published for the dissemination of information to the public and private agencies who are interested to learn about the cultivation and control of diseases as well as systematic maintenance to ensure its success.

c. Mempromosikan secara meluas penanaman pokok karas secara ladang

Penanaman pokok karas secara ladang perlu dipromosikan kepada semua negeri-negeri di Malaysia untuk memastikan bekalan gaharu di masa hadapan akan terus berkekalan. Permintaan gaharu yang masih tinggi di pasaran dunia telah menyebabkan negara-negara lain seperti Vietnam, Kemboja, Thailand dan Indonesia menanam karas secara ladang dengan banyaknya.

d. Mempertingkatkan kajian penghasilan gaharu

Kajian untuk menghasilkan gaharu dengan lebih cepat melalui proses inokulen perlu diteruskan dari masa ke semasa. Agensi lain seperti Agensi Tenaga Nuklear Malaysia dan FRIM harus mengkaji dengan lebih intensif untuk menghasilkan gaharu sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Thailand dan Indonesia. Baru-baru ini Universiti Minnesota, Amerika Syarikat telah berjaya mencipta bahan inokulen yang dinamakan CA Kit dan telah dijual di beberapa negara seperti Vietnam, Thailand dan Malaysia.



c. Promoting the cultivation of karas trees on a plantation scale

Planting karas trees on a plantation scale need to be promoted in all the states in Malaysia to ensure a sustainable supply of gaharu in the future. The high demand for gaharu in the world market has resulted in countries like Vietnam, Cambodia, Thailand and Indonesia cultivating karas on a plantation scale.

d. Enhancing research on production of gaharu

Research on enhancing the production of gaharu using the inoculation method must be intensified. Agencies such as the Malaysian Institute of Nuclear Energy and FRIM need to intensify their research on the production of gaharu like those initiated by Thailand and Indonesia. Recently, the Universiti Minnesota, USA succeeded in creating an inoculant called CA Kit and being sold to several countries like Vietnam, Thailand and Malaysia.



Artikel ini disumbangkan oleh Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Penolong Pengarah (Silvikultur & Perlindungan),
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

*This article is contributed by Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Assistant Director (Silviculture & Forest Protection),
Terengganu State Forestry Department.*

ARTIKEL / Article 3

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN DI KAMPUNG BARU PULAU SAYAK, KOTA KUALA MUDA, KEDAH

THE OFFICIAL LAUNCHING OF THE PLANTING PROGRAMME WITH MANGROVES AND OTHER SUITABLE TREE SPECIES ALONG THE NATIONAL COASTLINE AT KAMPUNG BARU PULAU SAYAK, KOTA KUALA MUDA KEDAH

Pada 26 Disember 2004, masyarakat dunia telah dikejutkan oleh tragedi ombak besar tsunami yang telah melanda dan menenggelamkan beberapa kawasan pesisiran pantai di negara-negara rantau Asia, seperti Indonesia (Aceh), Sri Lanka, India, Myanmar, Thailand, Kepulauan Maldives serta negeri-negeri di sebelah pantai timur benua Afrika dan beberapa negeri di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Gegeran gempa bumi di Utara Sumatera pada 9.0 skala Richter telah menghasilkan gelombang pertama melanda daerah Langkawi pada jam 12.20 tengahari manakala daerah Kuala Muda pada jam 1.15 tengahari dengan ketinggian mencecah 2.5 meter iaitu selepas 4 jam gegeran di Utara Sumatera.

Di kawasan yang serius dilanda ombak besar tersebut dilaporkan meragut beratus-beratus ribu nyawa terutama di kawasan pesisiran-pesisiran pantai yang luas terbuka dan tidak dilindungi dan terdedah kepada risiko ancaman ombak besar tsunami.

Salah satu kawasan pesisiran pantai di Utara Semenanjung Malaysia yang terjejas adalah Kota Kuala Muda, Kedah. Deretan rumah kediaman runtuh, kenderaan hanyut dibawa arus, bot-bot nelayan bergelimpangan, manakala jeti-jeti pengkalan nelayan rosak teruk dan lain-lain infrastruktur musnah. Ianya jelas menunjukkan kawasan-kawasan yang terlindung dengan dirian hutan paya laut seperti bakau dan nipah hanya mengalami kerosakan ringan berbanding dengan kawasan-kawasan penempatan yang terdedah kepada lautan luas.

Menyedari akan kepentingan hutan pesisiran pantai ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

On the 26th December 2004, the world was shocked when Tsunami struck and hit the shorelines of the Asian region covering Indonesia (Aceh), Sri Lanka, India, Myanmar, Thailand, the Island of Maldives and those areas on the eastern shores of the African continent and some states in the northern region of Peninsular Malaysia. As a result of a series of earth quakes that strike Northern Sumatera at a scale of 9.0 Richter scale, resulting in after shocks striking Langkawi at 12.20 pm and Kuala Muda experiencing a 2.5 meter high waves at 1.15 pm, that is four hours after the tremor.

Several coastlines were seriously affected resulting in the loss of hundreds of lives especially in areas not protected and vulnerable to Tsunami wave threats.

One of the areas in the northern region of Peninsular Malaysia shorelines seriously affected by the strong hit was Kota Kuala Muda, Kedah. Several houses were destroyed, vehicles swept away, fisherman boats thrown onto the land, jetties destroyed, while other infrastructures were badly affected. It is observed that areas protected with mangrove and nipah stands shown to be less affected as compared to those areas directly facing the open sea.

Notifying the significant contribution of the coastal forests, the Ministry of Natural Resources and

telah membentuk satu Pasukan Petugas Khas Jawatankuasa Operasi Menanam Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengubal langkah-langkah penting untuk memulih dan memelihara pantai Negara.

Kempen ke arah usaha pemuliharaan bermula dengan Jawatankuasa Tanaman Bakau telah mengatur suatu Majlis Pelancaran Penanaman Pokok Bakau dan Lain-lain Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara. Bagi tujuan ini, Kampung Baru Pulau Sayak di Kota Kuala Muda, Kedah telah dipilih sebagai Tapak Pelancaran Majlis dan telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 2 Februari 2007. Tetamu-tetamu kehormat termasuk YB Dato' Seri Azmi bin Khalid dan YB Dato' Seri Mahadzir bin Khalid telah menanam pokok jenis Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) bersama penduduk-penduduk setempat yang juga diberi kesempatan menanam pokok-pokok bakau sebanyak 100 pokok sebagai tanda keprihatinan mereka ke atas peranan tumbuhan pesisiran pantai dalam melindungi kawasan penempatan mereka. Majlis ini merupakan permulaan kepada usaha-usaha pemeliharaan hutan bakau dan tanaman pesisiran pantai. Ianya juga merupakan usaha untuk memulihara kawasan pesisiran pantai.

Selain daripada aktiviti penanaman pokok, juga diadakan pameran hutan paya laut oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Pameran tersebut mempamerkan maklumat, penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan hutan paya laut dan peranannya kepada alam sekitar dan masyarakat setempat.

Seramai lebih kurang 2,000 tetamu telah melibatkan diri di dalam program penanaman pokok, termasuk 100 orang pelajar-pelajar sekolah berdekatan yang dijemput khas ke tapak pelancaran. JKKK Kota Kuala Muda bersama agensi-agensi kerajaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba & Penyelamat,

Environment formed a Special Task Force on the Planting Programme with Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline chaired by the Secretary-General, Ministry of Natural Resources and Environment has formulated strategies to rehabilitate and conserve the national coastline.

*The campaign for rehabilitation of the coastline began with the forming of the Committee on Mangroves Planting organising the Official Launching of the Planting Programme with Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline. For this purpose, Kampung Baru Pulau Sayak in Kota Kuala Muda, Kedah was selected for the launching which was officiated by the Honorable Prime Minister of Malaysia on the 2nd February 2007. Other guests of honor, include, YB Dato' Seri Azmi bin Khalid and YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid who planted Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) together with the villagers who planted 100 mangrove seedlings to show their concerns on the importance of mangrove stands in their village. This event marks the beginning of the efforts on mangrove conservation as well as the vegetation along the coastline. It is also an effort to conserve the national coastline.*

Besides the tree planting activity, exhibition on mangroves were also displayed by the Forestry Department of Peninsular Malaysia and the Forest Research Institute Malaysia. The exhibitions display information, research on mangroves and its role to the environment and local communities.

A total of 2,000 visitors participated in the tree planting programme, including 100 school children from nearby schools were specifically invited to the launching site. The Kota Kuala Muda Village Security Committee (JKKK) and other various government agencies such as the

Jabatan Kerja Raya, Jabatan Penerangan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pengairan & Saliran juga turut berkerjasama bagi menjayakan majlis itu.

Pelbagai usaha akan dilakukan secara berterusan oleh agensi-agensi yang berkaitan untuk memulih dan memelihara pesisiran pantai negara terutama di lokasi yang telah dilanda ombak Tsunami seperti

Police Force, Fire Department, the Public Works Department, Information Department, Education Department, Health Department and Drainage and Irrigation Department were also invited to participate to make this event a success.

Efforts were continuously taken by the relevant agencies to rehabilitate and conserve the national coastline, especially those areas seriously affected by the Tsunami, Kota Kuala



YAB Perdana Menteri menyampaikan ucapan kepada hadirin dan seterusnya merasmikan Pelancaran Program Penanaman Pokok di Kota Kuala Muda, Kedah pada 2 Februari 2007

YAB Prime Minister delivering his speech to the audience and officiates the Launching Ceremony of Tree Planting Programme at Kota Kuala Muda, Kedah on 2 February 2007



YB Menteri Besar Kedah turut berucap di Majlis Pelancaran pada 2 Februari 2007

YB Kedah Chief Minister also delivered a speech at the Launching Ceremony on 2 February 2007



YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berucap di Majlis Pelancaran pada 2 Februari 2007

YB Minister of Natural Resources and Environment delivering his speech at the Launching Ceremony on 2 February 2007



VVIP yang turut hadir di Majlis Pelancaran
The VVIP at the Launching Ceremony

di Kota Kuala Muda, Kedah. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah melipatgandakan usaha-usaha pembangunan tanaman bakau di sepanjang pantai Kampung Baru Pulau Sayak, Kampung Sungai Yu, Kota Kuala Muda, Merbok dan juga di Langkawi. Sehingga kini, jumlah tanaman bakau yang telah dilaksanakan di Kedah ialah sebanyak 800,000 anak pokok. Namun, pengamatan susulan dari majlis pelancaran, mendapati kebanyakan anak-anak bakau telah musnah dibawa ombak. *Geotube* yang dipasang sepanjang pantai oleh Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi membantu memecah ombak dan melindungi anak-anak pokok dari pukulan ombak kuat juga telah gagal. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia juga turut menjalankan tanaman percubaan anak-anak bakau sebanyak 1,000 pokok dengan pelbagai kaedah seperti tanaman dalam buluh atau *Bamboo Encasement Method* (BEM), tanaman menggunakan *Comp Mat*, tanaman dalam bakul dan lain-lain tanaman secara konvensional. Namun begitu, teknik-teknik ini juga gagal.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia akan terus memperingati kawasan ini dan bercadang untuk mendirikan sebuah monumen sempena memperingati tragedi ombak besar Tsunami pada tahun 2004.



YAB Perdana Menteri melancarkan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesis-Spesis Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara Peringkat Kebangsaan
YAB Prime Minister officiated the launching of the Planting Programme with Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline

Muda, Kedah. The Kedah Forestry Department has doubled its efforts towards the development and planting of mangroves along the shores of Kampung Baru Pulau Sayak, Kampung Sungai Yu, Kota Kuala Muda, Merbok and Langkawi. To-date, about 800,000 mangroves and other suitable trees species were planted in Kedah. However, follow-up visits made after the launching ceremony, found that most of trees planted during the launching were either washed away or dead. *Geotube* set up along the shorelines by the Drainage and Irrigation Department to break the waves and to protect the seedlings also failed. The Forest Research Institute also established planting trials of 1,000 mangrove seedlings using the various techniques such as the *Bamboo Encasement Method* (BEM), *Comp Mat*, basket encasement, as well as the conventional method. However, all these techniques failed.

With this, the Forestry Department Peninsular Malaysia will treasure this launching site of the tree planting programme and plans to build a monument to commemorate the Tsunami tragedy in 2004.



YAB Perdana Menteri bersama – sama WVIP di Majlis Pelancaran
YAB Prime Minister with the WVIPs at the Launching Ceremony



VVIP bersama orang ramai menanam pokok-pokok di
Majlis Pelancaran
*VVIPs with the community planting trees at the Launching
Ceremony*



YAB Perdana Menteri menanam pokok Bakau
YAB Prime Minister planting the Mangrove tree

Artikel ini disumbangkan oleh Mohd. Nizum bin Mohd Nor, Penolong Pengarah (Perancangan & Pemeliharaan),
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah
*This article is contributed by Mohd. Nizum bin Mohd Nor, Assistant Director (Planning & Conservation),
Kedah State Forestry Department*



PROFIL PERHUTANAN
NEGERI
*State Forestry
Profile*

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



NEGERI : JOHOR
STATE
IBU NEGERI : JOHOR BAHRU
STATE CAPITAL



Dr. Abd Rahman bin Abd Rahim

1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	3.24
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)++ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)++</i>	6.7
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	1,898,629
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	490,209
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	1,408,420
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest (ha)	391,449
b. Ladang Hutan/Forest Plantations** (ha)	43,859
c. Tanah Kerajaan/Stateland (ha)	49,279
d. Taman Hidupan Liar / Wildlife Reserve (ha)	49,431
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)*** (ha) <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	2,250
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	10,930
g. Pengeluaran / Production (m ³)	
• Kayu Balak/Logs	171,047
• Hasil Hutan Lain/Other Forest Products (RM)	743,128
7. Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a. Bilangan/Number	
• Kilang Papan/Sawmill	76
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	10
• Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	16
b. Penggunaan Kayu Balak/Consumption of Logs (m ³)	
• Kilang Papan/Sawmill	431,913
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	24,710
c. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Gergaji/Sawn Timber	282,724
• Papan Lapis/Plywood	14,500
• Kayu Kumai/Moulding	1,125
d. Bilangan Pekerja/Number of Worker	4,717

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



Kasim bin Osman



NEGERI : KEDAH

STATE

IBU NEGERI : ALOR SETAR

STATE CAPITAL



1.	Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	1.92
2.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	6.4
3.	Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	942,600
4.	Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	345,382
5.	Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	597,218
6.	Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a.	Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	342,613
b.	Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	2,720
c.	Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	2,769
d.	Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	-
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)***(ha) <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	2,340
f.	Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	4,419
g.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Balak/ <i>Logs</i>	178,092
	• Hasil Hutan Lain/ <i>Other Forest Products (RM)</i>	40,233
7.	Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a.	Bilangan/Number	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	33
	• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	3
	• Kilang Kayu Kumai/ <i>Moulding Mill</i>	12
b.	Penggunaan Kayu Balak/ <i>Consumption of Logs (m³)</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	97,478
	• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	122,860
c.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Gergaji/ <i>Sawn Timber</i>	59,791
	• Papan Lapis/ <i>Plywood</i>	172,541
	• Kayu Kumai/ <i>Moulding</i>	53,994
d.	Bilangan Pekerja/ <i>Number of Worker</i>	3,527

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source : Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM



PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



NEGERI : KELANTAN
STATE
IBU NEGERI : KOTA BHARU
STATE CAPITAL



Wan Yusoff bin Wan Ahmad

1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	1.56
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	4.9
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	1,493,181
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	886,767
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	606,414
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest (ha)	629,687
b. Ladang Hutan/Forest Plantations** (ha)	11,248
c. Tanah Kerajaan/Stateland (ha)	148,297
d. Taman Hidupan Liar/Wildlife Reserve (ha)	108,783
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)***(ha) <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	6,590
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	28,578
g. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Balak/Logs	1,442,811
• Hasil Hutan Lain/Other Forest Products (RM)	40,344
7. Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a. Bilangan/Number	
• Kilang Papan/Sawmill	65
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	5
• Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	7
b. Penggunaan Kayu Balak/Consumption of Logs (m ³)	
• Kilang Papan/Sawmill	1,108,281
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	12,021
c. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Gergaji/Sawn Timber	512,509
• Papan Lapis/Plywood	7,499
• Kayu Kumai/Mouldings	3,082
d. Bilangan Pekerja/Number of Worker	4,061

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE

NEGERI : MELAKA
STATE
IBU NEGERI : BANDAR MELAKA
STATE CAPITAL



1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	0.73
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	5.9
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	165,104
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	5,307
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	159,797
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	5,079
b. Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	35
c. Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	228
d. Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	-
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)***(<i>ha)</i> <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	-
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (<i>ha)</i> <i>Area opened for logging</i>	275
g. Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
• Kayu Balak/ <i>Logs</i>	1,573
• Hasil Hutan Lain/ <i>Other Forest Products (RM)</i>	95,658
7. Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a. Bilangan/Number	
• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	22
• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	1
• Kilang Kayu Kumai/ <i>Moulding Mill</i>	-
b. Penggunaan Kayu Balak/ <i>Consumption of Logs (m³)</i>	
• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	34,798
• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	1,856
c. Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
• Kayu Gergaji/ <i>Sawn Timber</i>	19,645
• Papan Lapis/ <i>Plywood</i>	719
• Kayu Kumai/ <i>Moulding</i>	-
d. Bilangan Pekerja/ <i>Number of Worker</i>	702

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



NEGERI : NEGERI SEMBILAN
STATE
IBU NEGERI : SEREMBAN
STATE CAPITAL



Ahmad Zainal bin Mat Isa

1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	0.98
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)++ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)++</i>	4.9
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	664,591
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	158,081
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	506,510
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest (ha)	154,185
b. Ladang Hutan/Forest Plantations** (ha)	1,944
c. Tanah Kerajaan/Stateland (ha)	3,896
d. Taman Hidupan Liar/Wildlife Reserve (ha)	-
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)*** (ha) <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	2,460
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	8,746
g. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Balak/Logs	92,607
• Hasil Hutan Lain/Other Forest Products (RM)	1,209,504
7. Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a. Bilangan/Number	
• Kilang Papan/Sawmill	45
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	4
• Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	19
b. Penggunaan Kayu Balak/Consumption of Logs (m ³)	
• Kilang Papan/Sawmill	355,889
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	12,890
c. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Gergaji/Sawn Timber	207,628
• Papan Lapis/Plywood	13,464
• Kayu Kumai/Moulding	4,964
d. Bilangan Pekerja/Number of Worker	2,432

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



Dato' Che Hashim bin Hassan

NEGERI : PAHANG

STATE

IBU NEGERI : KUANTAN

STATE CAPITAL

1.	Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	1.48
2.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	5.1
3.	Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	3,596,585
4.	Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	1,981,185
5.	Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	1,615,400
6.	Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a.	Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	1,484,099
b.	Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	24,043
c.	Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	165,127
d.	Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	331,959
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)*** <i>(ha)</i> <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	8,330
f.	Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	21,579
g.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Balak/ <i>Logs</i>	1,136,901
	• Hasil Hutan Lain/ <i>Other Forest Products (RM)</i>	1,177,302
7.	Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a.	Bilangan/ <i>Number</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	119
	• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	10
	• Kilang Kayu Kumai/ <i>Moulding Mill</i>	28
b.	Penggunaan Kayu Balak/ <i>Consumption of Logs (m³)</i>	
	• Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	983,591
	• Kilang Papan Lapis/Venir/ <i>Plywood/Veneer Mill</i>	305,755
c.	Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	
	• Kayu Gergaji/ <i>Sawn Timber</i>	679,867
	• Papan Lapis/ <i>Plywood</i>	163,421
	• Kayu Kumai/ <i>Moulding</i>	32,999
d.	Bilangan Pekerja/ <i>Number of Worker</i>	10,050

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source : Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



NEGERI : PERAK
STATE
IBU NEGERI : IPOH
STATE CAPITAL



Masran bin Md. Salleh

1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	2.31
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	5.2
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	2,102,122
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	1,050,225
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	1,051,897
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest (ha)	884,205
b. Ladang Hutan/Forest Plantations** (ha)	4,818
c. Tanah Kerajaan/Stateland (ha)	41,107
d. Taman Hidupan Liar/Wildlife Reserve (ha)	124,913
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)***(ha) <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	7,770
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan + (ha) <i>Area opened for logging</i>	14,007
g. Pengeluaran/Production (m ³)	
• Kayu Balak/Logs	755,638
• Hasil Hutan Lain/Other Forest Products (RM)	1,583,399
7. Industri Hutan <i>Forest Industry</i>	
a. Bilangan/Number	94
• Kilang Papan/Sawmill	8
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	6
• Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	
b. Penggunaan Kayu Balak/Consumption of Logs (m ³)	459,449
• Kilang Papan/Sawmill	29,652
• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mill	
c. Pengeluaran/Production (m ³)	297,878
• Kayu Gergaji/Sawn Timber	36,398
• Papan Lapis/Plywood	2,879
• Kayu Kumai/Moulding	4,234
d. Bilangan Pekerja/Number of Worker	

nota/notes

- * - Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics, Malaysia
- ** - Termasuk Ladang - ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
- *** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara
As stipulated by the National Forestry Council
- + - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land
- + + - Sumber : Unit Perancang Ekonomi, JPM
Source : Economic Planning Unit, JPM

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY PROFILE



Roslan bin Ariffin

NEGERI : PERLIS
STATE
IBU NEGERI : KANGAR
STATE CAPITAL



1. Penduduk (juta)(2001)* <i>Population (million)(2001)*</i>	0.23
2. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Pada Harga Tetap Tahun 2000 (%)+ <i>Growth Gross Domestic Product At Constant Prices Year 2000 (%)+</i>	4.3
3. Keluasan Tanah (ha) <i>Land Area</i>	80,302
4. Tanah Berhutan (ha) <i>Forested Land</i>	11,555
5. Tanah Tidak Berhutan (ha) <i>Non-forested Land</i>	68,747
6. Sumber Hutan <i>Forest Resources</i>	
a. Hutan Simpanan Kekal/ <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	10,718
b. Ladang Hutan/ <i>Forest Plantations** (ha)</i>	633
c. Tanah Kerajaan/ <i>Stateland (ha)</i>	769
d. Taman Hidupan Liar/ <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	68
e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal)***(<i>ha)</i> <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	-
f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan + (<i>ha)</i> <i>Area opened for logging</i>	-
g. Pengeluaran/ <i>Production (m³)</i>	-
